

UTUSAN MALAYSIA

18 JANUARI 2019 (JUMAAT)

Pamer koleksi sejarah jadi 'santapan' mata pelanggan

JERANTUT 17 Jan. - Lazimnya penyediaan makanan lazat dan bersih pada harga berpatutan antara usaha penguasaha kedai makan untuk menarik kehadiran pelanggan.

Namun, bagi peniaga kedai makan di Kampung Tanjung Puteri, Hulu Cheka dekat sini, Norazah Ismail, 42, dia memberi nilai tambah kepada kedainya dengan mempamerkan bahan sejarah untuk tarikan dan 'santapan' mata pelanggan.

Norazah berkata, pameran bahan sejarah itu diilhamkan oleh pemilik asal kedai makan berkenaan dengan mengumpul dan mempamerkan koleksi gambar tentang sejarah pembukaan Kampung Hulu Cheka dan tokoh tempatan sebelum serta selepas merdeka di dinding premis tersebut.

"Setelah menyewa kedai ini dua tahun lalu, saya dan suami, Md. Daud Ali cuma meneruskan usaha mengumpul gambar sejarah tempatan untuk melengkapkan koleksi berkenaan

supaya memenuhi sudut di dinding premis ini.

"Pelanggan yang singgah kedai ini rata-ratanya memuji usaha kami secara langsung mereka memahami sejarah pembukaan kampung ini (Hulu Cheka) oleh seorang tokoh terkenal iaitu Pawang Nong," katanya ketika ditemui di kampung berkenaan di sini baru-baru ini.

Menurutnya, lokasi kedai makan itu strategik kerana terletak di pintu masuk ke Pusat Rekreasi Lata Lang yang setiap hari dikunjungi orang ramai termasuk pelajar dan pelancong asing.

"Pada awalnya agak sukar bagi saya memberi penerangan mengenai sejarah berkenaan apabila diajukan soalan pengunjung yang singgah makan di kedai ini.

"Mahu tidak mahu, saya menelaah buku berkaitan sejarah tokoh tempatan dan asal usul kampung ini bagi melengkapkan pengetahuan untuk menjawab pertanyaan pelanggan," katanya.



NORAZAH ISMAIL menunjukkan koleksi bahan sejarah tempatan di kedai makannya di Kampung Tanjung Puteri, Hulu Cheka, Jerantut, Pahang, baru-baru ini.